

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NASIONAL

Pembangunan Kertas Putih Kesihatan

Inisiatif sandaran perkukuh sistem

Cabaran diharungi pastikan Keluarga Malaysia kekal sejahtera, utuh pada masa depan

Oleh Rohanita Izris dan Zanariah Abd Mutalib
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembangunan Kertas Putih Kesihatan bertepatan pada masanya bagi merealisasikan sistem kesihatan Malaysia yang lebih berdaya tahan dalam mendepani cabaran tahun-tahun mendatang, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, cabaran kesihatan yang diharungi sebelum ini dan apa yang bakal dijangkakan pada masa hadapan patut dijadikan sandaran untuk menambah baik dan memperkuatkan sistem kesihatan sedia ada.

Beliau berkata, selepas lebih dua tahun seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19, satu perancangan komprehensif dan menyeluruh perlu dibentuk supaya kesejahteraan Keluarga Malaysia kekal utuh pada masa hadapan.

"Seperti semua maklum, sistem kesihatan negara sama ada kerajaan mahupun swasta berfungsi dengan cemerlang sehingga sebahagian besar Keluarga



Ismail Sabri, Khairy, Dr Noor Azmi (dua dari kiri), Aaron (kanan) dan Harjeet (kiri) pada Sidang Kemuncak Dasar Kesihatan 2022: Masa Hadapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pembangunan Kertas Putih Kesihatan di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Malaysia menikmati tahap kesihatan yang baik terutama ketika kes pandemik COVID-19 memuncak.

"Namun semua pihak tidak seharusnya mudah berasa selesa kerana pandemik COVID-19 bukanlah yang terakhir berikutan terdapat pelbagai cabaran baharu bakal muncul yang akan menguji tahap keberkesanan dan ketahanan asas sistem kesihatan sedia ada," katanya berucap merasmikan Sidang Kemuncak Dasar Kesihatan 2022: Masa Hadapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pembangunan Kertas Putih

Kesihatan, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Harjeet Singh.

Tanggungjawab semua pihak

Perdana Menteri turut menegaskan, keberkesanan sistem kesihatan negara tidak seharusnya digalas oleh Kementerian Kesi-

hatan semata-mata, sebaliknya menjadi tanggungjawab semua pihak seperti pemegang taruh, sektor awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan.

Beliau percaya jika semua bersama-sama berganding bahu dan berusaha ke arah kebaikan sekali gus mampu 'Mencorak Semula Perkhidmatan Kesihatan Untuk Keluarga Malaysia'.

"Sejak berlakunya pandemik pada 2020 dan sehingga kini, 4.6 juta rakyat Malaysia dijangkiti COVID-19 dan 36,000 orang kehilangan nyawa.

"Hampir tiga suku atau 74 pe-

ratus daripada jumlah kematian membabitkan mereka yang berusia 60 tahun ke atas, sekali gus menyebabkan trauma berpanjangan kepada ahli keluarga kerana kehilangan tempat bergantung," katanya.

Perdana Menteri berkata, hasil usaha Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), kadar kematian dan kadar kemasukan wad intensif dapat dibendung.

Katanya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan turut berjaya melandaskan lengkung jangkitan wabak, mengelakkan kadar kematian yang lebih tinggi serta mengurangkan tekanan kepada sistem kesihatan negara.

Beliau turut meletakkan tiga harapan bagi mencorakkan semula sistem kesihatan negara supaya lebih berdaya tahan dan kalis masa hadapan.

Pertama, katanya, sistem kesihatan negara pada masa depan mampu menyokong dan membantu Keluarga Malaysia kekal sihat dan bukan lagi menumpukan kepada rawatan dan intervensi selepas berpenyakit.

"Kedua, sistem kesihatan negara mampu memenuhi keperluan rawatan Keluarga Malaysia secara mampan dan berdaya tahan daripada semua cabaran termasuk dalam situasi pandemik global.

"Ketiga, sistem kesihatan negara menjadi kebanggaan Keluarga Malaysia kerana merasakan mereka adalah sebahagian daripadanya dan juga menghargai peranannya," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

POLISI SIFAR COVID-19 CHINA: PENGALAMAN PENULIS

'Mungkin leceh tapi berkesan'

Beijing

Bukan mudah untuk sampai di Beijing, sebuah metropolis yang jumlah penduduknya hampir sebesar populasi Malaysia.

Pelbagai prosedur ketat seiring dasar sifar Covid-19 yang dilaksanakan oleh China perlu dipatuhi pelawat, termasuk penulis yang akan berada di sini hingga pertengahan November depan bagi mengikuti program China Asia Pacific Press Center 2022.

Bukan itu sahaja, diketahui sebagai antara negara paling ketat dalam pengurusan Covid-19, China memanfaatkan teknologi hampir sepenuhnya, khususnya teknologi komunikasi dalam mencegah dan mengawal penularan virus itu yang pertama kali dikesan di Wuhan, ibu kota Wilayah Hubei pada penghujung 2019, sebelum memular ke seluruh dunia.

Penggunaan meluas teknologi komunikasi ini disedari penulis apabila tiba di Lapangan Terbang Changbeibangsa Nanchang Changbei di Wilayah Jianxi, kira-kira 1,400 kilometer dari sini, pada 17 Julai lalu.

Sejurus tiba, penulis diminta memuat turun dan mengisi borang dalam talian tentang maklumat diri yang kemudiannya menjadi kod respons pantas atau kod QR sebagai pe-



PEKERJA binaan memakai pelitup muka ketika memasuki tapak pembinaan di Beijing, China.

ngenalan diri. Realiti betapa pentingnya kod QR berkenaan dalam kehidupan harian penulis di negara ini hanya dirasai sepenuhnya apabila penulis bersama-sama dua lagi rakan wartawan dari Malaysia usai menjalani kuarantin selama 10 hari termasuk tiga hari kuarantin sendiri di Nanchang.

Sebaik menjejakan kaki di bandar raya ini pada 28 Julai lepas, antara perkara pertama yang dimaklumkan kepada penulis ialah menjalani ujian RT-PCR setiap dua atau tiga hari bagi mengesahkan diri benar-benar 'bersih' daripada virus itu pada setiap masa.

Terdetik di hati betapa renyahnya untuk melakukan ujian itu namun ternyata telah napa pen-

lis meleset. Bagi memudahkan masyarakat menjalani ujian tersebut, China menempatkan kios sehenti-pondok kecil - di serata kawasan di kota moden ini termasuk di kawasan perumahan dan juga lokasi tumpuan awam.

Tujuan utama China berbuat demikian ialah bagi melazimkan ujian Covid-19 dalam rutin harian rakyatnya dan pemerhatian penulis mendapati sememangnya inisiatif republik itu mendapat sokongan orang ramai yang dilihat beratur menunggu giliran di kios berkenaan yang dibuka pada sebelah pagi dan petang.

Menurut laporan media tempatan, stesen ujian Covid-19 tersebut yang boleh didapati hampir di mana-mana sahaja di seluruh republik ini berupaya memproses hingga 51.65 juta sampel sehari. Di Beijing sa-

haja terdapat 5,000 kios berkenaan yang lokasinya mudah ditemui melalui peta dalam talian yang disediakan oleh Baidu, enjin carian internet di China.

Tidak ada kerena birokrasi ketika mahu melakukan ujian itu yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan China. Sekadar tunjukkan kod QR kepada petugas pertama bagi pengeksahan identiti sebelum tugas seterusnya menjalankan ujian Covid-19 ke atas penulis menerusi calitan te-

kak. Prosesnya juga amat pantas iaitu hanya kira-kira seminit tanpa sebarang sentuhan fizikal, dan keputusan terus dikemas kini dalam sistem Health Kit Beijing, aplikasi seakan MySejahtera Malaysia.

Semua warga asing yang berada di kota raya ini perlu berdaftar dengan Beijing

Health Kit yang antara lain merekodkan status vaksinasi serta rekod perjalanan pelawat dan kod QR identiti diri mereka.

Pentingnya melakukan ujian RT-PCR setiap dua atau tiga hari berikutan adanya mereka yang disahkan negatif Covid-19 sepanjang tempoh 72 atau 48 jam di benarkan berada di tempat awam termasuk pusat beli-belah, taman rekreasi, pengangkutan awam serta pejabat.

Umumnya, sistem kod kesihatan China yang diperkenalkan pada 2020 itu mengawal pergerakan orang ramai berdasarkan status Covid-19 mereka dan risiko ke-

hidatan yang mungkin wujud berdasarkan warna, iaitu merah, kuning dan hijau.

Hanya mereka yang mempunyai kod berwarna hijau boleh bergerak bebas manakala kod kuning dan merah memerlukan pengasingan - konsep yang hampir sama dengan MySejahtera.

Bagaimanapun setiap wilayah di China mempunyai sistem yang berbeza dan tidakseragam pelawat kerana menyulitkan pelawat kerana setiap kali tiba di wilayah lain mereka perlu mendaftarkan diri dengan program mini berasingan dalam aplikasi WeChat bagi mendapatkan kod QR hijau.

Pengalaman ini turut dilalui penulis semasa lawatan ke Shandong di pantai timur China, di mana kami dibawa melawat kawasan pelancungan dan perindustrian di beberapa bandar utama di

wilayah tersebut. Proses mendaftarkan diri dengan program mini ini hanya melibatkan beberapa klik butang pada aplikasi namun jangka masa kelulusan bergantung pada pihak berkuasa tempatan di wilayah berkenaan. Ada yang mengambil masa dua jam, namun penulis difahamkan di sesetengah wilayah lain boleh memakan masa 24 jam sebelum pelawat memperoleh kod QR hijaunya.

Sepertimana di Beijing, pengalaman enam hari di Shandong juga 'melelahkan' jari jemari penulis kerana terpaksa mengimbas kod QR setiap kali mahu menaikinya pengangkutan awam atau ke kawasan tumpuan orang ramai.

Ini belum diambil kira berpuluh-puluh dokumen dalam talian yang perlu dimuat turun dan diisi.

Hal ini juga menyebabkan ada pengujung yang 'terganggu' di hab pengangkutan seperti lapangan terbang kerana perlu menunggu bagi mendapatkan kod kesihatan tempatan.

Mungkin leceh namun penulis berpandangan langkah ketat yang dilaksanakan oleh China ini berkesan dalam mengawal penularan jangkitan tempatan. Ini kerana situasi semasa penularan Covid-19 di republik ini dilihat agak terkawal dengan kes harian dilaporkan stabil pada tiga angka dan tanpa kematian sementara majoriti kes pula dilaporkan di Wilayah Hainan setakat 11 Ogos lepas. - Bernama

Rekod 3,045 kes baharu Covid-19, lima kematian kelmarin

Putrajaya: Kes harian Covid-19 di negara ini menunjukkan sedikit penurunan apabila 3,045 kes dicatatkan kelmarin berbanding 4,334 kes Sabtu lalu. Menerusi data ditunjukkan dalam laman sesawang Covidnow, jumlah kes baharu itu membabitkan

3,040 kes penularan tempatan dengan lima kes lagi mendapat jangkitan dari luar negara. Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah angka jangkitan berkecilan di negara ini meningkat kepada 4,735,547 kes. Setakat ini, negara masih

mempunyai sejumlah 43,431 kes yang masih aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19, daripada jumlah itu 96.2 peratus atau 41,759 individu sedang menjalani kuarantin wajib di rumah. Sebanyak 1,567 kes atau 3.6 peratus kini mendapatkan rawatan lanjut di hos-

pital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (33), unit rawatan rapi (ICU) (72 kes) dan 46 kes daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan. Sehingga kini kadar penggunaan kemudahan ICU di seluruh negara sudah mencecah 62.5 peratus

dengan kes Covid-19 meringkumi 19.5 peratus. Mengenai kes kematian akibat jangkitan itu, sejumlah lima kes dilaporkan sejak kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini kini 36,085 orang. Tiga daripada kes kema-

tian dilaporkan di Kedah dan masing-masing satu kes dicatatkan di Johor dan Perak. Tiada kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) dilaporkan. Dalam pada itu, sebanyak 4,226 kes dilaporkan sembuh kelmarin.

China antara negara paling ketat dalam pengurusan Covid-19

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

PM jamin sistem kesihatan negara terus berfungsi dengan cemerlang

Covid-19 bukan cabaran terakhir

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Pandemi Covid-19 bukan permasalahan yang terakhir menguji tahap keberkesanan serta ketahanan asas sistem kesihatan negara sedia ada, sebaliknya pelbagai cabaran baharu bakal muncul.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dengan demikian satu perancangan komprehensif dan menyeluruh perlu dibentuk supaya kesejahteraan rakyat Malaysia kekal utuh.

"Sistem kesihatan negara sama ada kerajaan mahu pun swasta telah berfungsi dengan cemerlang sehingga sebahagian besar Keluarga Malaysia menikmati tahap kesihatan yang baik ketika kes Covid-19 memuncak.

"Namun begitu, kita tidak seharusnya mudah berasa selesa, kerana pandemik Covid-19 bukanlah yang terakhir akan menguji sistem kesihatan sedia ada," katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) semalam.



ISMAIL SABRI dilirangi oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin (kanan) beramah mesra bersama sebahagian peserta pada Majlis Perasmian Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan di WTCKL, Kuala Lumpur semalam.

Persidangan bertemakan Masa Hadapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pembangunan Kertas Putih Kesihatan itu ber-

tujuan membincang serta merencanakan masa hadapan sistem kesihatan negara melalui pembangunan Kertas Putih Kesihatan.

Ismail Sabri berkata, Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang 2030 kerana

rakyat berumur 60 tahun ke atas lebih 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Kata beliau, isu penuaan penduduk bakal memberi cabaran besar kepada sistem kesihatan dan sosial kerana meningkatkan kadar prevalen penyakit serta permintaan penjagaan kesihatan.

Selain itu, katanya, kadar penyakit tidak berjangkit juga meningkat apabila seorang daripada lima individu dewasa mengidap penyakit kencing manis dan seorang daripada tiga individu dewasa mengalami penyakit darah tinggi.

Tambah beliau, masalah kesihatan mental juga semakin meningkat apabila 2.3 peratus golongan dewasa mengalami kemurungan dan 7.9 peratus kanak-kanak berusia antara lima hingga 15 tahun berdepan masalah kesihatan mental dan angka itu dijangka akan meningkat.

Ujar beliau, cabaran kesihatan yang diharungi sebelum ini dan apa dijangka pada masa hadapan tersebut patut dijadikan sandaran untuk menambah baik dan memperkukuhkan sistem kesihatan sedia ada.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Terdapat peningkatan kemasukan pesakit kategori 3, 4, 5 ke hospital

Kes pesakit Covid-19 masuk wad naik

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA – Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk menunjukkan peningkatan pada Minggu Epidemiologi (ME) 32/2022, iaitu dari 7 Ogos hingga 13 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, berdasarkan perbandingan dengan ME 31/2022, jumlah pesakit Covid-19 bagi kategori 1 dan 2 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.3 peratus.

"Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 kategori 3, 4, dan 5 ke hospital awam juga turut mencatatkan peningkatan sebanyak 11.4 peratus pada ME 32/2022.

"Pada masa sama, peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 turut mencatatkan peningkatan di mana penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) meningkat sebanyak 2 peratus, manakala penggunaan katil kes bukan kritikal dan di Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC),



PENGUNAAN katil di wad bukan kritikal meningkat sebanyak 1 peratus. – GAMBAR HIASAN

masing-masing meningkat sebanyak 1 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Dr. Noor Hisham, peningkatan turut dikesan ke atas jumlah kes-kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat

Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara.

"Berdasarkan perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 31/2022 dan ME 32/2022, jumlah kedatangan pesakit ke CAC didapati meningkat seba-

nyak 3.9 peratus iaitu daripada 13,238 kes kepada 13,757 kes.

"Bilangan kes Covid-19 yang dirujuk oleh CAC ke hospital juga didapati meningkat sebanyak 66.4 peratus iaitu daripada 220 kes sebelum ini kepada 366 kes,"

ujar beliau.

Bagaimanapun, menurut beliau, trend kes aktif harian Covid-19 yang dipantau secara maya oleh CAC menunjukkan telah berlaku penurunan sebanyak 5.5 peratus pada akhir ME 32/2022 iaitu daripada 66,162 kes kepada 62,516 kes.

"Terdapat juga peningkatan bilangan kes sembuh daripada Covid-19 pada ME 32/2022 sebanyak 1.1 peratus malah bilangan kes baharu turut menurun sebanyak 6.6 peratus iaitu daripada 28,554 kes kepada 26,678 kes.

"Berdasarkan rekod, terdapat penurunan sebanyak 6.5 peratus pada bilangan kes tempatan iaitu daripada 28,499 kes kepada 26,656 kes malah kes import juga mencatatkan penurunan sebanyak 60.0 peratus iaitu daripada 55 kes kepada 22 kes," jelas beliau.

"Tambah Dr. Noor Hisham, bilangan kes kematian kekal 60 kes manakala purata kes aktif dalam tempoh sama adalah sebanyak 44,706 iaitu menurun sebanyak 2.7 peratus berbanding minggu sebelumnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Usahakan sistem kesihatan berdaya tahan

Ismail Sabri akui pembangunan Kertas Putih Kesihatan tepat pada masanya

KUALA LUMPUR

Pembangunan Kertas Putih Kesihatan bertepatan pada masanya, bagi merealisasikan sistem kesihatan Malaysia yang lebih berdaya tahan dalam mendepani cabaran tahun mendatang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata,

cabaran kesihatan yang diharungi sebelum ini dan apa yang bakal dijangka kelak, patut dijadikan sandaran untuk menambah baik dan memperkuatkan sistem kesihatan sedia ada.

Menurutnya, selepas lebih dua tahun seluruh dunia dilanda pandemik Covid-19, satu perancangan komprehensif dan menyeluruh perlu dibentuk supaya kesejahteraan Keluarga Malaysia kekal utuh.

"Sistem kesihatan negara kita, sama ada kerajaan mahupun swasta, telah berfungsi dengan cemerlang sehingga sebahagian besar Keluarga



Malaysia bakal capai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila meningkatnya rakyat berumur 60 tahun ke atas iaitu lebih 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.



ISMAIL SABRI

Malaysia menikmati tahap kesihatan yang baik terutama ketika kes pandemik Covid-19 memuncak.

"Namun, kita tidak seharusnya mudah berasa selesa kerana pandemik bukanlah yang terakhir, terdapat pelbagai cabaran baharu bakal muncul,

cul, seterusnya menguji tahap keberkesanan dan ketahanan asas sistem kesihatan sedia ada," katanya semasa berucap merasmikan Sidang Kemuncak Dasar Kesihatan 2022: Masa Hadapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pembangunan Kertas Putih Kesihatan di sini

pada Isnin.

Perdana Menteri berkata, Covid-19 memperlihatkan cabaran serius kesihatan pada tahun mendatang, termasuk isu penuaan penduduk yang memberi cabaran besar kepada sistem kesihatan dan sosial negara.

Katanya, Malaysia akan mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila meningkatnya rakyat berumur 60 tahun ke atas iaitu lebih 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kadar prevalen penyakit.

Malah permintaan penjagaan kesihatan golongan itu dianggarkan dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi berbanding orang dewasa yang lebih muda.

Selain itu, kadar penyakit

tidak berjangkit juga meningkat apabila seorang daripada lima orang dewasa di negara ini menghidap penyakit kencing manis dan seorang daripada tiga orang dewasa mengalami penyakit darah tinggi.

"Berdasarkan statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019, angka itu sangat membimbangkan kerana kebanyakannya tidak sadar mereka menghidapinya dan mengundang risiko kematian.

"Contohnya, 87 peratus pesakit Covid-19 yang maut merupakan mereka yang menghidap sekurang-kurangnya satu penyakit kronik seperti kencing manis atau darah tinggi.

"Selain itu, masalah kesihatan mental semakin meningkat apabila 2.3 peratus golongan dewasa mengalami kemurungan dan 7.9 peratus kanak-kanak berdepan masalah kesihatan mental. Angka ini dijangka meningkat," katanya.

Dalam usaha mencorak semula sistem kesihatan negara, Ismail Sabri menzahirkan harapan agar sistem kesihatan menyokong dan membantu Keluarga Malaysia kekal sihat serta tidak lagi menumpukan kepada rawatan dan intervensi.

Beliau berharap sistem kesihatan negara mampu memenuhi keperluan rawatan Keluarga Malaysia secara mampan dan berdaya tahan dalam menghadapi semua cabaran, termasuk situasi pandemik global dan menjadi kebanggaan Keluarga Malaysia. - *Bernama*

Mohon peruntukan kesihatan awam ditambah 5%

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) memohon peruntukan-perbelanjaan kesihatan awam ditingkatkan kepada lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi memastikan Malaysia mempunyai sistem kesihatan awam bertaraf dunia di masa hadapan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, di negara berpendapatan sederhana tinggi, penanda aras peruntukan bagi perbelanjaan kesihatan awam adalah antara empat hingga lima peratus daripada KDNK.

Namun Malaysia, katanya memperuntukkan 2.50 peratus daripada KDNK untuk perbelanjaan kesihatan awam, menyebabkan ramai mengeluh berhubung tempoh diperlukan bagi mendapatkan perkhidmatan seperti pengimejan resonans magnetik (MRI) atau imbasan tomografi berkomputer (CT) di hospital kerajaan.

"Saya tahu semua Kementerian minta duit (peruntukan) daripada Yang Amat Berhormat (Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) dan semua sama penting.

"Namun Kementerian ini (KKM) lebih penting sebab tugas teras kita adalah nyawa tentang hidup dan mati," katanya.

Khairy berkata lagi, segala dasar yang memberi manfaat jangka masa panjang kepada rakyat tidak pernah terjejas meskipun kerajaan berdepan berbagai spekulasi pilihan raya umum (PRU). - *Bernama*

Kertas Putih Kesihatan dapatan kerajaan dan rakyat - Khairy

KUALA LUMPUR - Kertas Putih Kesihatan dijangka dibentangkan di Parlimen pada November nanti, sepatutnya merupakan pernyataan aspirasi kolektif rakyat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia adalah mengenai cara menjadikan sistem kesihatan negara lebih mampan dan berdaya tahan, menerusi pemikiran "menyeluruh kerajaan" dan "menyeluruh masyarakat".

Menurutnya, pandemik Covid-19 telah mencetus keperluan pembaharuan dalam penjagaan kesihatan, yang sebelum ini tidak pernah berlaku dan memperlihatkan antara keberantangan kesihatan, kewangan dan fabrik sosial yang ketara.

"Perkembangan ini menjurus kepada usaha pembaharuan penjagaan kesihatan negara demi keperluan kesihatan dan sosial rakyat.

"Hala tuju dan prinsip kami untuk pem-

baharuan penjagaan kesihatan dalam Kertas Putih Kesihatan harus mencerminkan keperluan ini.

"Kita tidak seharusnya membiarkan peluang pengajaran daripada pandemik Covid-19 berlalu begitu sahaja," katanya dalam ucapan 'Keperluan Untuk Pembaharuan Penjagaan Kesihatan' pada Sidang Kemuncak Dasar Kesihatan 2022 di sini pada Isnin.

Khairy berkata, untuk memastikan pelan pembaharuan itu kekal masa depan dan secara kritikal bertahan, maka sokongan bipartisan untuk pembaharuan yang dicadangkan dalam Kertas Putih Kesihatan juga penting.

"Masih terdapat banyak butiran dan



KHAIRY

pelan tindakan perlu diusahakan pada tahun-tahun yang akan datang.

"Saya harap kita semua memainkan peranan untuk menyokong pembentanganannya di Parlimen, hujung tahun ini. Perseutujuan anda dan persetujuan ahli Parlimen adalah penting untuk memastikan prinsip dan hala tuju reformasi struktur yang luas untuk sistem kesihatan Malaysia.

"Ini bukan sahaja akan mengukuhkan kedudukan moral dan politik untuk 15 tahun akan datang mengenai pembaharuan yang dicadangkan itu, tetapi dalam erti kata yang lebih besar, melambangkan perpaduan kita demi sistem penjagaan kesihatan yang teguh, tidak kira siapa Menteri Kesihatan atau parti

mana yang berkuasa," tambahnya.

Untuk memastikan jaminan pembaharuan itu, Khairy berkata, Kertas Putih Kesihatan mencadangkan Suruhanjaya Pembaharuan Penjagaan Kesihatan untuk memantau, menasihati dan melaporkan secara bebas status pelaksanaan kepada kerajaan, Parlimen dan rakyat.

"Saya akan lantik Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan, terdiri daripada 13 pakar pelbagai bidang untuk menghulurkan bantuan dalam mencabar dan memperhalusi keutamaan dasar kita," kata Khairy.

Beliau berkata, adalah penting untuk memastikan Kertas Putih Kesihatan memfokuskan pembaharuan paling asas untuk menangani cabaran sistemik dan struktur utama yang dihadapi oleh sistem penjagaan kesihatan dan bukannya penyakit tertentu atau kumpulan demografi individu tertentu. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Asingkan GEG dan pengawalseliaan industri vape

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@medkamula.com.my

PETALING JAYA: Pelaksanaan Rang undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 disifatkan sebagai pembuka ruang kepada pengusaha vape untuk terus menjalankan perniagaan.

Bagaimanapun, Pengarah Nanostix Innovations Sdn. Bhd., Shahabudeen Jalil yang menyokong RUU itu berkata, kerajaan dalam masa yang sama perlu mewujudkan akta bagi membolehkan industri vape beroperasi sah mengikut saluran undang-undang.

Malah katanya, undang-undang berkaitan produk tembakau dan vape juga perlu diasingkan daripada RUU terbabit bagi memastikan industri vape terus bernafas mengikut syarat tertentu.

"Ada langkah yang perlu dilaksanakan kerajaan antaranya memberi kebenaran kepada pengusaha vape menjual produk di kedai berlesen sahaja.

"Begitu juga dengan pelaksanaan duti eksais yang mewajibkan pengeluar dan pengedar vape tempatan mendedahkan semua bahan digunakan dalam penghasilan cecair berperisa. Ini antara langkah yang membolehkan industri ini dikawal selia dengan teratur," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang turut digelar sebagai GEG atau Generasi Penamat telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 27 Julai lepas antaranya memperuntukkan larangan individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, merokok, membeli atau memiliki produk tembakau atau peranti.

RUU ini menyentuh beberapa tafsiran yang menyamakan rokok dan vape walaupun kedua-dua rokok tersebut adalah berbeza.

Tambah Shahabudeen, sekiranya kerajaan memberikan kebenaran kepada industri vape untuk terus bernafas, ia disifatkan sebagai situasi menang-menang demi kebaikan semua pihak.

"Pengeluar vape dapat terus berniaga manakala pengguna boleh mendapatkan produk yang lebih selamat dan kerajaan pula mampu memperoleh pendapatan melalui cukai," ujarnya.

Dalam pada itu, Shahabudeen berkata, pihaknya mencadangkan kerajaan segera mewujudkan akta untuk membolehkan industri vape



PENGUSAHA dan komuniti vape mengharapakan undang-undang berkaitan produk tembakau dan vape perlu diasingkan daripada RUU bagi memastikan industri vape terus bernafas mengikut syarat tertentu.

beroperasi secara sah mengikut saluran undang-undang.

"Isu utama yang dihadapi pasaran gelap adalah isu pokok, ia adalah sumber utama generasi bawah umur mendapatkan stok rokok dan vape jika tiada kawal selia.

"Kelompokan yang ada dalam penguatkuasaan selama ini perlu dinilai semula jika objektif GEG ini mahu dicapai secara mutlak," tegasnya.

Berdasarkan rekod sebelum ini, dijangkakan larangan perjualan produk tembakau secara terang-terangan untuk mereka yang lahir selepas 2007 akan meningkatkan perdagangan haram daripada 58.4 peratus pada Mac lalu kepada 61.7 peratus.

Kerajaan juga akan kehilangan hasil daripada industri tembakau melebihi paras RM5 billion.

Sebagai produk alternatif kepada rokok, Shahabudeen berkata, vape dan rokok elektronik telah diterima baik di negara luar seperti United Kingdom (UK) dan New Zealand.

Malah katanya, ia diiktiraf sebagai alternatif yang dapat mengurangkan mudarat berbanding rokok dan membantu perokok berhenti daripada mengamalkan tabiat tersebut.

Disamping

sebagai alternatif untuk berhenti merokok, industri vape turut memberi manfaat kepada sudut ekonomi negara dan rakyat menerusi peluang pekerjaan.

"Dengan nilai runcit dianggarkan RM2.27 billion, ia menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Justeru, isu rokok dan vape ini tidak harus dilihat secara hitam putih sahaja. Ia perlu diperhalusi dari pelbagai sudut, supaya sebarang keputusan yang dicapainya nanti adalah yang paling baik dan memberi manfaat untuk semua pihak.

"Lebih penting, keputusan

itu nanti tidak pula menerbitkan sebarang masalah atau polemik tidak berkesudahan," katanya.

Nanostix Innovations yang menguasai 20 peratus industri rokok elektronik negara membuat pembayaran cukai sebanyak RM52 juta bagi tempoh 2018 sehingga 2021, atau kira-kira RM12 juta hingga RM13 juta setahun.

Shahabudeen dalam masa yang sama turut menimbulkan persoalan berhubung langkah kerajaan untuk mewujudkan sumber pendapatan dan peluang pekerjaan lain bagi menggantikan industri vape yang dijangka pupus untuk beberapa tahun akan datang.

"Perniagaan kami akan pupus dalam tempoh 10 tahun akan datang menerusi pelaksanaan GEG. Jadi apakah langkah kerajaan untuk menggantikan sektor yang lenyap ini?"

